

# Alunan Suara Melayu Asli Berkumandang Di Bumi Kenyalang

Oleh : Mohd Izwan Izhar Haris & Mashitoh Abu



**SARAWAK, 20-23 Februari 2010** Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dengan kerjasama Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) telah menganjurkan Pertandingan Nyanyian Lagu Melayu Asli MAKUM 2010 bertempat di universiti tersebut yang bertujuan untuk menggalakkan para pelajar dari seluruh IPTA bergeriat secara aktif dalam penyertaan seni suara khasnya dari sudut Lagu Melayu Asli. Pertandingan Nyanyian Lagu Melayu Asli MAKUM 2010 telah menyaksikan penglibatan 30 orang peserta dari 17 buah IPTA. Antara IPTA yang terlibat ialah UPM, UniMAP, UM, UMS, UMT, UKM, UMK, UPNM, UDM, UiTM, UUM, UPSI, UNIMAS, UTM, UTHM, UteM dan USM. Pertandingan telah dibagikan kepada dua kategori iaitu Kategori Lelaki dan Kategori Wanita. Namun

begitu, Kategori Lelaki diwajibkan untuk mendedangkan Lagu Asli manakala Kategori Wanita pula mendendangkan Lagu Irama Malaysia.

Saudara Muhamad Qauyum Zawawi Bin Ahamad Suffin yang mewakili UniMAP bagi Kategori Lelaki telah memilih lagu Sri Siantan pada saingan tersebut. Manakala Saudari Siti Nur Balqis Binti Shaharum yang mewakili Kategori Wanita, telah mempertaruhkan lagu Penawar Rindu bagi berentap bersama peserta lain pada saingan tersebut.

Pada pertandingan bagi Kategori Lelaki tersebut telah menyaksikan Saudara Fazli bin Awang dari UUM ditabalkan sebagai Johan. Manakala Saudara Muhammad Hilmi bin Idris dari UiTM, Naib Johan dan , Saudara Shahrizal bin Hashim dari UteM menduduki tempat Ketiga. Bagi Kategori Wanita pula, Johan dirangkul oleh Harlinah binti Mat Salleh dari UPSI, Naib Johan dimenangi oleh Norfazillah binti Ibrahim dari UNIMAS dan tempat Ketiga dimenangi oleh Mardiana binti Alwi dari UM. Bagi Hadiah Persembahan Terbaik Kategori Lelaki, telah dimenangi oleh

Fazli bin Awang dari UUM dan Persembahan Terbaik Kategori Wanita dimenangi oleh Norfazillah binti Ibrahim dari UNIMAS. Pada Pertandingan tersebut juga, panel Hakim telah sebutlat suara untuk menobatkan Universiti Teknologi Mara (UiTM) sebagai Juara keseluruhan.

Adalah diharapkan Pertandingan Nyanyian Lagu Melayu Asli MAKUM 2010 diteruskan lagi pada tahun yang akan datang, demi menjulang martabat budaya bangsa agar 'Tak Lapuk Dek Hujan, Tak Lekang Dek Panas'.

